

08/12/1997

Projek jalan RM230 juta dikaji semula

Ahmad Norzaki

KUALA LUMPUR, Ahad - Kerajaan mengarahkan projek jalan raya sejauh 19 kilometer menghubungkan Tanjung Malim dekat Behrang dengan Proton City yang membabitkan kos RM230 juta dikaji semula, walaupun Kementerian Kewangan meluluskan peruntukan itu.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri S Samy Vellu, berkata bagaimanapun, projek itu tetap dilaksanakan secara berperingkat berikutan tender dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

Menurutnya, peruntukan RM230 juta itu akan dibelanjakan dalam tempoh enam tahun bukannya dua tahun seperti jadual asal.

"Menerusi cara itu, kerajaan dapat menjimatkan perbelanjaan sehingga menunggu ekonomi pulih semula," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga Kementerian itu, di Taman Tasik Perdana di sini, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melancarkan projek jalan raya ke Proton City di Behrang pada 23 Mac, tahun lalu. Projek itu terpaksa dikaji semula oleh kementerian untuk menjimatkan perbelanjaan berikutan kemelesetan ekonomi negara.

Bandar raya kembar dengan Toyota City di Jepun adalah projek usaha sama Proton dengan kerajaan negeri Perak yang mengeluarkan model kereta 1300cc dan 1800cc untuk pasaran tempatan dan eksport.

Projek itu dijangka siap pada 1998 dan awal 1999 mengeluarkan 150,000 unit kereta setahun fasa pertama dan mula beroperasi pada tahun 2000, dan pusat pemasangan kereta Lotus di Malaysia.

Samy Vellu berkata, kawasan seluas hampir 4,000 hektar itu perlu mempunyai sistem jalan raya yang baik, dan atas dasar itu, kerajaan meluluskan peruntukan RM230 juta.

"Kementerian mengambil langkah berjimat cermat sejak dua bulan lalu dengan setiap projek yang dijalankan dikurangkan kosnya daripada harga asal tanpa menjejaskan mutunya.

"Perbelanjaan projek akan dikurangkan 25 peratus berbanding 18 peratus seperti yang diumumkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Jumaat lalu," katanya.

(END)